



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20
24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.110 KLANG

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.110 KLANG

Penyunting Siri
Nurul Syaza Mazelan

Penulis
Dr. Thanaraj Murudi



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.110 KLANG (SELANGOR)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-7
------------------------------	-----

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	9
2.0 Pemetaan Isu	10-34
3.0 Pengutamaan Isu	35-40



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN- BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

STATUS INDIVIDU		KAUM MINORITI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
JENIS PEKERJAAN		PENDIDIKAN
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang/Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	

Perindustrian	1. Pemilik kilang	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala sosial • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Kos sara hidup yang tinggi • Keciciran Pendidikan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas • Masalah banjir • Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir• Penyeludupan barang di sempadan• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)• Konflik pemilikan tanah• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa• Konflik manusia – hidupan liar
-----------------	---

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.110 KLANG (SELANGOR)

17 - 20 Februari 2024 (Sabtu - Selasa)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Pasukan Belia Bulan Sabit Merah Malaysia Daerah Klang
2. Sesi Dialog bersama Be Kind Malaysia Cawangan Klang
3. Sesi Dialog bersama Persatuan Penduduk Keriang Sakat

HARI 2

4. Sesi Dialog bersama Majlis Belia India Malaysia Cawangan Klang
5. Sesi Dialog bersama Jawatankuasa Surau Syahrul Huda
6. Sesi Dialog bersama Jawatankuasa Gereja Grace Assembly
7. Sesi Dialog bersama ISKCON Klang

HARI 3

8. Sesi Dialog bersama Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang
9. Sesi Dialog bersama Refugee Committee
10. Sesi Dialog bersama Anak-Anak Yatim Good Samaritan Home

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj Murudi
(Ketua Penyelidik)



Muhd Afham Afif



Mala Dass



Nik Athirah

Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen
Klang,
YB Tuan Ganabatirau
A/L Veraman



4 Disember 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awal bersama Ahli Parlimen Klang, Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman bersama Pegawai Khas beliau untuk membincangkan tentang lawatan tapak pihak APPGM ke Parlimen Klang.



13 Disember 2023- Mesyuarat Pemprofilan

Prof. Dato Dr. Denison, Dr. Thanaraj and Dr. Wan telah bertemu dengan Pegawai Daerah dan Tanah Klang YBr. Tuan Shahman bin Salaludin bagi membincangkan agenda lawatan tapak untuk parlimen Kapar dan Klang yang bakal diadakan. Tuan Pegawai Daerah telah bersetuju untuk mempengerusikan inter-agensi untuk kedua-dua parlimen pada tarikh yang dipersetujui bersama.



1: Sesi Dialog bersama Pasukan Belia Bulan Sabit Merah Malaysia daerah Klang, BSMM

FGD 1 dihadiri oleh 25 ahli BSMM dari pelbagai sekolah yang berumur 15&16 tahun bersama ahli parlimen Klang, YB Tuan Ganabatirau, naib pengerusi BSMM Mr Rajah dan pegawai2 BSMM. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** pengangkutan awam yang terhad untuk ke HQ dan tiadanya laluan pejalan kaki yang selamat, **(2)** tiada tapak sendiri, tapak HQ merupakan kontrak dengan KTM selama 30 tahun, **(3)** latihan yang dilakukan tidak diiktiraf, **(4)** kekurangan dana dari segi kelengkapan, pelaksanaan program dan penyelenggaraan tempat HQ dan **(5)** kekurangan golongan belia untuk menjadi sukarelawan. Selain itu, isu **(6)** infrastruktur jalan raya yang berlubang dan beralun serta **(7)** kekangan kewangan untuk membeli uniform baru turut diutarakan dalam perbincangan.



2: Sesi Dialog bersama peserta daripada Be Kind Malaysia

FGD 2 dihadiri oleh peserta daripada Be Kind Malaysia. Antara isu yang dibincangkan adalah **(1)** lambakan orang asing di Pulau Indah dan **(2)** kes dadah yang menyebabkan kecurian kabel elektrik. Jenis dadah adalah ganja, syabu, metaphine kerana adanya pengedar di Port Klang. Selain itu, **(3)** ketiadaan balai polis di Pulau Indah terdekat Pandamaran, **(4)** tiada komitmen yang baik daripada pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah sosial spt Immigresen, JPJ, pihak berkuasa tempatan (PBT), **(5)** isu anak-anak terabai kerana ibu bapa sibuk bekerja dan **(6)** isu pembuangan sampah merata-rata hingga ke longkang dan sungai turut diutarakan.



3: Sesi Dialog bersama Persatuan Penduduk Keriang Sakat

FGD 3 dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada golongan professional. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** Sistem perparitan yang tidak diselenggara, **(2)** Pokok besar tidak 'pruning' dan 'trim', **(3)** longkang bergerak sehingga menjadi sempit dan kecil, **(4)** banyak kes denggi berpunca dari longkang tidak diselenggara dan rumah terbiar, **(5)** pembuangan sampah merata-rata dan **(6)** tiada penyebaran maklumat daripada pihak berkuasa kepada rakyat.



4: Sesi Dialog bersama Golongan Belia India

FGD 4 dihadiri oleh Belia India. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** golongan india terpinggir dalam peluang pekerjaan, **(2)** masalah tidak dapat Kad Pengenalan dan juga **(3)** golongan india yang terpinggir dalam melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Isu **(4)** kekangan dalam bertutur Bahasa Malaysia, khususnya golongan tua untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan, **(5)** peluang pekerjaan untuk golongan OKU, **(6)** kurang saluran untuk mendapatkan pendedahan dan maklumat tentang bantuan kerajaan seperti Tekun dan geran perniagaan dan **(7)** pendapatan tidak setimpal dengan kelulusan turut dibincangkan



5: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman Kem

FGD 5 dihadiri oleh penduduk Taman Kem. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** ketiadaan fasiliti bagi pelajar sekolah SK Pelabuhan Klang untuk melintas jalan raya dengan baik, **(2)** perniagaan kecil dimonopoli oleh warga asing, **(3)** infrastruktur surau kem tidak mesra warga emas dan **(4)** tiada penyelenggaraan bangunan flat kem.



6: Sesi Dialog bersama Ahli Jawatankuasa Gereja *Grace* Klang

FGD 6 dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Gereja *Grace* Klang. Antara isu yang dibincangkan adalah **(1)** isu parking yang sukar bila pengunjung datang ke gereja untuk ibadat setiap hari ahad, parking akan penuh bertembung pengunjung pasar pagi Selain itu, **(2)** isu sistem peparitan tidak baik sehingga menyebabkan banjir dan **(3)** tidak mendapat perhatian yang baik oleh MPK bila ada aduan dibuat turut diutarakan oleh ahli jawatankuasa.



7: Sesi Dialog bersama ISKCON

FGD 7 dihadiri oleh ahli persatuan ISKCON. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekangan dana untuk lakukan program kesederiaan untuk kebaikan komuniti, **(2)** tidak memahami akta kerajaan tempatan dan **(3)** ramai golongan memerlukan perhatian khusus. Kes kesihatan mental di Klang amat membimbangkan.



8: Sesi Dialog bersama Persatuan Pendidikan Khas Klang

FGD 8 dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Persatuan Pendidikan Khas Klang. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** prasarana sekolah pendidikan khas yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah murid yang semakin ramai, **(2)** peningkatan murid yang memerlukan pendidikan khas, **(3)** jumlah guru pendidikan khas perlu ada penambahan dan **(4)** kekurangan pakar/therapist berkaitan, contohnya pakar terapi pertuturan/bahasa untuk pendidikan khas



9: Sesi Dialog bersama *Refugee Committee*

FGD 9 dihadiri oleh ahli *Refugee Committee*. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** tekanan emosi dalam kalangan pelarian, **(2)** tempat perlindungan yang kecil untuk menampung jumlah pelarian yang semakin ramai, **(3)** isu penyeludupan manusia terutamanya dalam kalangan kanak-kanak perempuan, **(4)** halangan bahasa untuk memahami adaptasi antarabudaya di antara 'house guardian' dan pelarian, **(5)** kekurangan dana dan **(6)** kekurangan tenaga pengajar yang tetap



10: Sesi Dialog bersama Anak-Anak Yatim Good Samaritan Home


FGD 10 bersama anak-anak yatim di Good Samaritan Home. Isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** sistem saliran dihadapan perlu diperbaiki **(2)** keperluan kepada bimbingan yang lebih efektif kepada anak-anak.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.110 KLANG (SELANGOR)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Klang ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman dari parti Pakatan Harapan.</i></p>		 <p>YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman</p>																								
Parlimen	P 110																									
Kawasan	Klang																									
Negeri	Selangor																									
Jumlah penduduk	<p>1,134, 000 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>630, 504</td> <td>55.6</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>281, 232</td> <td>24.8</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>213, 192</td> <td>18.8</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>9,072</td> <td>0.8</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>1,134, 000</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: My Local Stats Klang Selangor, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024</i></p>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	630, 504	55.6	2.	Cina	281, 232	24.8	3.	India	213, 192	18.8	4.	Lain-lain	9,072	0.8	JUMLAH KESELURUHAN		1,134, 000	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	630, 504	55.6																							
2.	Cina	281, 232	24.8																							
3.	India	213, 192	18.8																							
4.	Lain-lain	9,072	0.8																							
JUMLAH KESELURUHAN		1,134, 000	100.00																							
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor pembuatan • Pembinaan • Pengangkutan dan penyimpanan • Perlombongan dan Pengkuarian • Perkhidmatan 																									
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik 2. En Muhd Afham Afif : Pembantu Penyelidik 3. Cik Nik Athirah : Pembantu Penyelidik 4. Puan Mala Dass : Pembantu Penyelidik 5. Cik Sharmila : Pembantu Penyelidik 6. En Zariz Firdaus : Pembantu Penyelidik 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 FGD telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Klang. Dialog antara agensi masih belum dilaksanakan buat masa ini.

TARIKH	PERKARA
17 Februari 2024, Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Pasukan Belia Bulan Sabit Merah Malaysia Daerah Klang• Sesi Dialog bersama <i>Be Kind</i> Malaysia Cawangan Klang• Sesi Dialog bersama Persatuan Penduduk Keriang Sakat
18 Februari 2024, Isnin	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Majlis Belia India Malaysia Cawangan Klang• Sesi Dialog bersama Jawatankuasa Surau Syahrul Huda• Sesi Dialog bersama Jawatankuasa Gereja <i>Grace Assembly</i>• Sesi Dialog bersama ISKCON Klang
19 Februari 2024, Selasa	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang• Sesi Dialog bersama Refugee Committee• Sesi Dialog bersama Anak-Anak Yatim <i>Good Samaritan Home</i>

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
ISU SOSIAL		
<p>Kekangan pengangkutan untuk belia aktif terlibat program di ibu pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan bas awam yang rendah dan jarak stesen bas yang jauh menyukarkan belia untuk menghadiri perjumpaan di ibu pejabat PBSM. • Pengangkutan utama untuk ke tapak ibu pejabat PBSM ini adalah dengan menaiki bas awam. • Pusingan bas yang lama iaitu 2 jam untuk satu bas sampai ke satu kawasan menyebabkan belia tidak dapat menggunakan perkhidmatan tersebut. Contoh bas pertama adalah pada pukul 1 petang dan bas seterusnya pula pada pukul 3 petang. • Stesen bas terdekat untuk turun ke ibu pejabat PBSM adalah di SMK (P) Methodist Klang. Dari situ, mereka perlu berjalan kaki jauh dan melalui hadapan balai polis. Ironinya, tiada laluan pejalan kaki yang disediakan untuk memastikan mereka boleh berjalan dengan selamat. • Inisiatif untuk menggunakan bas awam diambil kerana tidak mahu bergantung kepada ibu bapa apabila perlu menghadiri mesyuarat dan program di ibu pejabat. Belia juga memilih untuk tidak menggunakan perkhidmatan kereta sewa seperti <i>Grab</i> kerana kosnya yang lebih tinggi.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kos pakaian seragam unit beruniform yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Pakaian seragam PBSM sebanyak tiga set perlu ditanggung dengan perbelanjaan sendiri. • Satu notis telah dikeluarkan mengenai penukaran kepada uniform baharu sebagai usaha untuk '<i>rebranding</i>' uniform yang sedia ada. • Setiap ahli diwajibkan memiliki tiga set uniform. Gabungan baju T dan seluar ini berharga antara RM60 hingga RM300, bergantung pada saiz. • Setiap ahli perlu membelinya sendiri, dan tiada bantuan kewangan akan disediakan.
Kurang galakan daripada ibu bapa untuk membenarkan anak menyertai unit beruniform disebabkan oleh kos yang tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa berasa terbeban dengan kos pakaian, kos minyak untuk pengangkutan, serta kos aktiviti yang perlu ditanggung sendiri. • Perbelanjaan tambahan diperlukan untuk membeli uniform baharu yang akan berkuat kuasa pada penghujung bulan April. • Setiap aktiviti yang melibatkan belia juga memerlukan perbelanjaan sendiri, seperti bayaran RM80 untuk menyertai aktiviti perkhemahan. • Pihak PBSM cawangan Klang juga memberi kelonggaran bagi pemakaian uniform baru ini. Walau bagaimanapun, PBSM peringkat Malaysia tidak memberikan kelonggaran seperti ini. Mereka juga merancang untuk mencari bantuan dalam bentuk baju khusus untuk golongan B40 dan perlu menyediakan kertas kerja sekiranya ingin memohon bantuan daripada YB.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kekurangan minat dalam kalangan golongan belia untuk menjadi sukarelawan.	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Para belia lebih cenderung memilih aktiviti digital berbanding aktiviti fizikal, kerana tiada elaun yang ditawarkan untuk menarik perhatian mereka. • Penyertaan daripada golongan belia kini tidak seperti dahulu kerana mereka enggan menjadi sukarelawan sepenuhnya. • Faktor utama adalah ketiadaan pembayaran elaun yang boleh diberikan oleh pihak PBSM disebabkan kekurangan peruntukan. • Pihak PBSM telah berusaha untuk menarik golongan ini dengan menghasilkan poster yang mempromosikan pelbagai aktiviti, bukan sekadar pertolongan cemas, tetapi juga aktiviti seperti perkhemahan, kawad kaki, dan larian. • Pihak belia juga tidak didedahkan dengan manfaat yang boleh diperoleh daripada menyertai PBSM ini.
Tiada tapak atau bangunan yang dimiliki oleh PBSM Daerah Klang	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak sewaan adalah milik KTM, dan bangunan asal PBSM Pejabat Daerah Klang telah musnah akibat kebakaran 16 tahun yang lalu. • Tapak yang dimiliki oleh PBSM Daerah Klang kini adalah tapak milik KTM yang memerlukan pembayaran sewa sebanyak RM100 sebulan untuk kontrak selama 30 tahun. • Pihak KTM pernah mengeluarkan surat untuk mengambil semula tapak tersebut, namun usaha itu berjaya dicegah kerana kontrak masih dalam tempoh 30 tahun. • Sejak itu, mereka telah mengumpul dana dan membina anjung yang masih digunakan hingga kini.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai penyelenggaraan perlu dilakukan, seperti memperbaiki bumbung yang bocor dan memperbaiki keadaan tandas yang teruk. • Permohonan telah dibuat 12 hingga 13 tahun yang lalu, namun tiada maklum balas diterima menyedari kos pembinaan yang tinggi dan kesukaran dalam mencari tapak.
<p>Kurang dana untuk melaksanakan aktiviti unit beruniform</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • PBSM • PBSM Pejabat Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • PBSM adalah sebuah NGO di bawah Parlimen yang tidak menerima bantuan tetap setiap bulan dan perlu mencari dana secara sendiri. • Tiada dana tetap yang diterima oleh mereka, berbeza dengan NGO lain seperti RELA dan JPAM. • Dana yang diberikan kepada mereka biasanya adalah sekali sahaja ('one-off'). • Terdapat banyak komitmen yang perlu dibayar setiap bulan, seperti kos penyelenggaraan ambulans dan gaji kakitangan. • Sekiranya mereka ingin menjalankan aktiviti, mereka perlu mencari dana sendiri. • Banyak program terhenti disebabkan oleh masalah kekurangan kos. • Antara alternatif yang diambil adalah dengan mengenakan bayaran kepada program belia serta melaksanakan aktiviti yang dapat menjimatkan perbelanjaan, seperti derma darah yang boleh dilakukan di tempat yang percuma.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Pihak NGO tiada tapak pejabat dan tempat penyimpanan barang	<ul style="list-style-type: none"> • B40 • Persatuan NGO • <i>Be kind</i> Malaysia Pulau Indah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan barang bantuan di pejabat sendiri dan rumah AJK yang lain. • Organisasi NGO hanya menggunakan rumah mereka sendiri dan ahli jawatankuasa (AJK) lain untuk menyimpan barang-barang bantuan seperti katil hospital, kerusi roda, dan barangan derma. • <i>Be Kind</i> Malaysia mengelak daripada menyewa dan tidak pernah memohon sebarang bantuan. • <i>Be Kind</i> juga pernah memohon kontena daripada pihak PKFZ untuk diletakkan di kawasan rumah salah seorang AJK.
Penyalahgunaan dadah dan masalah kecurian	<ul style="list-style-type: none"> • B40 • Persatuan NGO • Pangsapuri Kos Rendah Bukit Tinggi 1 • <i>Be kind</i> Malaysia Pulau Indah 	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah untuk mendapatkan bekalan dadah sehingga menyebabkan penagih terpaksa mencuri bagi mendapatkan wang. • Terdapat ramai penagih dadah di Pangsapuri Kos Rendah Bukit Tinggi 1. • Mereka dikatakan sering keluar masuk ke pusat serenti dan kebanyakan adalah lepasan sekolah menengah. • Walaupun tangkapan telah dilakukan, namun selepas seminggu, penagih dadah masih boleh ditemui di kawasan tersebut. • Bekalan dadah dikatakan mudah diperolehi dari kawasan pelabuhan. • Penagih-penagih ini telah terlibat dalam banyak kes kecurian di sekitar kawasan pangsapuri, termasuk mencuri basikal dan payung peniaga.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
<p>Penempatan rumah lot yang tidak tersusun dan rumah yang tiada nombor.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Delek & Kampung Sirih 	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam satu kawasan lot, terdapat 40 pintu yang mewakili 40 keluarga, serta penambahan 3 hingga 4 rumah tambahan. • Kawasan perumahan ini tidak mempunyai nombor rumah. • Sekiranya terdapat surat atau bungkusan, sukar untuk mengenal pasti pemiliknya. • Kawasan ini sering dikenali sebagai kawasan penempatan lot lidi dan sebenarnya merupakan tanah pertanian. • Dulu, terdapat masalah pembuangan sampah kerana lori sampah tidak dapat masuk ke dalam kawasan. Namun, masalah ini berjaya diselesaikan dengan menggunakan lori kecil tiga roda.
<p>Kesibukan ibu bapa punca anak-anak terabai</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah • Belia • <i>Be kind</i> Malaysia Pulau Indah 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa merupakan pekerja sokongan seperti pemandu van kilang, pembersih yang sibuk, dan tidak mempunyai masa untuk meluangkan masa bersama anak-anak. • Ibu bapa perantau adalah mereka yang berasal dari negeri lain tetapi menetap di Klang, seperti orang Sabah dan Kelantan. • Kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai pekerja sokongan, contohnya dalam pekerjaan sendiri, memandu van kilang, sebagai tukang cuci, atau bekerja di kilang yang biasanya memulakan kerja awal pagi dan pulang lewat petang. • Kesibukan tersebut menyebabkan anak-anak mereka tidak dipantau, yang mana ada yang terpengaruh dengan golongan dewasa dan terdedah kepada pengaruh negatif seperti vape dan pod.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kaunselor yang dilantik tidak berfungsi secara aktif	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Aduan dan surat telah dihantar kepada kaunselor yang terlibat, namun tiada sebarang respon diterima. • Pelbagai aduan telah dibuat, termasuk menghantar surat ke rumah kaunselor yang terlibat, namun tiada tindakan diambil oleh pihak berkenaan. • Penduduk juga meluahkan kekecewaan terhadap sikap tidak bertanggungjawab ini.
Kesukaran untuk mendapat bantuan OKU	<ul style="list-style-type: none"> • OKU • B40 • Parlimen Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dan tiada pengesahan daripada doktor perubatan. • Terdapat OKU yang telah membuat permohonan tanpa henti selama tiga tahun di JKM Shah Alam tetapi permohonannya sering ditolak dengan alasan bahawa beliau tidak memenuhi syarat permohonan, iaitu dua tahun tanpa pendapatan. • OKU juga pernah diminta untuk membawa pengesahan daripada doktor perubatan untuk membuktikan keadaan dirinya, namun walaupun pengesahan tersebut telah dibawa, permohonannya tetap ditolak.
Program yang dianjurkan oleh agensi kerajaan tidak inklusif dan bersifat satu hala	<ul style="list-style-type: none"> • B40 • Peserta program HRDF 	<ul style="list-style-type: none"> • Program ini dilihat hanya memberikan teori semata-mata, dengan matlamat yang sekadar untuk menghasilkan program tanpa tindakan susulan bagi mengetahui perkembangan peserta. • Individu yang rajin menyertai program anjuran agensi kerajaan menyatakan bahawa kebanyakan aktiviti yang dianjurkan hanya melibatkan penyebaran maklumat secara teori. • Latihan yang dijalankan semata-mata untuk memastikan program berjalan tanpa ada tindakan susulan

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Program sepatutnya lebih inklusif dengan mengadakan langkah susulan bagi memantau perkembangan peserta. • Program yang dianjurkan oleh HRDF pula hanya berlangsung selama lima hari, tempoh yang agak singkat untuk peserta memperoleh pembelajaran yang lebih mendalam.
<p>Kurang saluran untuk mendapatkan informasi mengenai bantuan kerajaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat B40 • Parlimen Klang • Masyarakat Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> • Sering kali peluang untuk mendapatkan bantuan terlepas kerana tidak mengetahui adanya bantuan tersebut. • Ramai yang berpendapat bahawa mereka tidak diberikan pendedahan yang mencukupi tentang bantuan yang tersedia. • Apabila maklumat tersebut sampai kepada seseorang, ianya sudah terlambat kerana permohonan telah ditutup. Contohnya seperti 'Bantuan Sihat Selangor'. • Walaupun ada individu yang berpendidikan, mereka masih menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat ini. • Seringkali, maklumat menjadi tidak efektif kerana ia disampaikan kepada pihak yang tidak tepat, sehingga penyebarannya gagal dilakukan dengan baik. Ada juga kes di mana maklumat tidak disalurkan kepada saluran yang boleh dipercayai. • Papan kenyataan atau '<i>billboards</i>' di Selangor juga tidak memberikan informasi yang mencukupi mengenai bantuan ini.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kesukaran golongan berusia untuk mendapatkan maklumat mengenai kerajaan disebabkan oleh penggunaan platform atas talian	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas 	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan maklumat yang diberikan melalui platform atas talian tidak mesra pengguna bagi golongan berusia. • Untuk mendapatkan maklumat mengenai kerajaan, adalah penting untuk menggunakan medium media sosial seperti Facebook dan memastikan ia sentiasa aktif dalam mod pemberitahuan notifikasi. • Sukar dan rumit untuk dilakukan oleh golongan yang lebih berusia.
Masalah jenayah semakin meningkat kerana pendapatan yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Miskin tegar • B40 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu menjadi terdesak untuk mendapatkan wang kerana pendapatan yang diperoleh terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian mereka.
Kawasan tempat letak kenderaan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Taman Menara Maju, Kampung Jawa • Penduduk kawasan parlimen Klang • Lebuh Menalu, Jalan Pelasari • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk mengambil tindakan meletak kereta secara '<i>double parking</i>' sehingga menyebabkan laluan kereta menjadi sempit. • Untuk mendapatkan tempat letak kenderaan di Klang adalah sukar kerana jumlah tempat letak kenderaan yang ada adalah terhad. • Kebanyakan penduduk melakukan '<i>double parking</i>', terutamanya di kawasan perumahan. Keadaan ini menyebabkan laluan kenderaan menjadi sempit dan hanya membolehkan satu kenderaan melalui pada satu-satu masa. • Tempat letak kenderaan yang terhad dan kesukaran untuk mendapatkan parkir. • Kedudukan gereja yang berdekatan dengan pasar pagi telah menyebabkan kesesakan manusia yang luar biasa, terutamanya pada hari Ahad. • Kawasan gereja terletak berhampiran dengan pasar pagi Taman Chi Liung.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Masalah kesesakan berlaku pada hari Ahad apabila ramai orang berkumpul di kawasan tersebut untuk mengunjungi gereja dan pasar pagi. • Tempat letak kenderaan di kawasan itu terhad dan tidak dapat menampung jumlah pengunjung yang ramai.
Kekerapan perkhidmatan pengangkutan awam KTM yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk kawasan parlimen Klang • KTM Pelabuhan Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan awam KTM yang jarang dan terhad menyebabkan penduduk enggan menggunakannya. • Perkhidmatan KTM digunakan apabila terdesak. • Ramai memilih untuk memandu sendiri daripada menggunakan perkhidmatan awam ini. • Kekerapan perkhidmatan ini hanya meningkat pada waktu puncak.
Perniagaan kecil dikuasai oleh warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga-peniaga kecil tempatan • B40 • Pelabuhan Klang • Jawatankuasa Surau Syahriful Huda, Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan kecil seperti gerai, tempat mencuci kereta, dan kedai-kedai banyak diusahakan oleh warga asing. • Kebanyakan warga asing ini memasuki Malaysia dengan menggunakan permit untuk bekerja dalam sektor perladangan dan pertanian, namun mereka didapati tidak bekerja dalam bidang tersebut, sebaliknya menjalankan perniagaan kecil di sekitar Pelabuhan Klang. • Aktiviti perniagaan warga asing ini tidak dikenakan cukai, dan semua keuntungan boleh dimiliki sepenuhnya oleh mereka. • Situasi ini berbeza dengan peniaga tempatan yang terikat dengan kewajipan membayar cukai. • Tiada pemantauan dilaporkan terhadap aktiviti perniagaan warga asing ini.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Infrastruktur surau di Taman Kem kurang mesra untuk warga emas	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas • Penduduk Taman Kem • Surau Syahriful Huda, Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Fasiliti tersebut tidak dilengkapi dengan pemegang yang dapat membantu warga emas untuk bangun dan duduk. • Fasiliti seperti tandas duduk tidak dilengkapi dengan pemegang sokongan untuk membantu warga emas bangun, dan tempat wudu' pula tidak menyediakan kerusi bagi memudahkan mereka mengambil air wudu'.
Tiada penyelenggaraan dilakukan di bangunan flat Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak • Penduduk Flat Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Pagar penghadang dilaporkan telah berkarat, reput, dan terdapat bahagian yang berlubang. • Terdapat kes di mana kanak-kanak terjatuh akibat pagar yang berlompong. Penduduk mengambil inisiatif sendiri dengan mengikat bahagian yang berlompong menggunakan tali. • Penyelenggaraan dilakukan hanya apabila menjelang pilihan raya. Namun, selepas itu, tiada tindakan susulan diambil.
Perbuatan 'cop' tempat letak kenderaan yang menyusahkan penduduk flat	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Taman Kem • Kawasan parlimen Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan pasu dan penghalang bagi mengelakkan orang lain meletak kenderaan di situ. • Segelintir penduduk flat menggunakan tempat letak kereta untuk kepentingan peribadi mereka.
Penghuni memelihara haiwan dan menghalang laluan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Taman Kem • Blok D, Pangsapuri Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelihara anjing dan buat kandang terbuka di hadapan rumah. • Terdapat juga penghuni rumah yang memelihara binatang di rumah mereka dengan membina kandang di hadapan rumah, menyebabkan lorong di hadapan rumah tersebut tidak dapat dilalui oleh orang lain. • Anjing tersebut sering menyalak, mengganggu ketenteraman jiran-jiran.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kesukaran mencari lokasi yang sesuai untuk pusat pemulihan penagihan dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat sekitar Klang • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat pemulihan penagih dadah yang disediakan oleh pihak gereja ini terletak berhampiran dengan kawasan bekalan dadah. • Hal ini menyebabkan penagih di sini mudah terjerumus semula ke dalam kancah penyalahgunaan dadah kerana bekalan dadah mudah diperolehi. • Mereka memerlukan sebuah pusat pemulihan yang terletak jauh dari Pelabuhan Klang dan terpencil daripada kawasan-kawasan lain. • Tempat yang sedia ada mempunyai kadar kejayaan yang rendah disebabkan oleh bekalan dadah yang berleluasa.
Undang-undang yang dikenakan atas pelarian tidak relevan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarian • Pemegang kad UNCHR • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-undang yang melarang pelarian daripada bekerja dianggap tidak relevan. • Kesukaran yang dihadapinya dalam usaha membantu golongan pelarian di Malaysia untuk membina kehidupan adalah amat mencabar. Hal ini kerana mereka tidak dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada pelarian disebabkan undang-undang Malaysia yang melarang golongan ini daripada bekerja. • Satu persoalan menarik yang dikemukakan ialah, "<i>Mengapa kita menerima kedatangan mereka (iaitu pelarian) ke Malaysia sekiranya kita tidak mampu memberikan kehidupan yang normal kepada mereka?</i>"
Jalan raya di sekitar bandar raya Klang mengalami kerosakan teruk dengan banyak lubang	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna jalan raya Bandaraya Klang • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan jalan berlubang yang teruk telah menyebabkan kerosakan pada tayar dan rim kereta, malah pernah mengakibatkan kemalangan apabila pemandu cuba mengelakkannya.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat sebuah jalan yang berlubang sehingga menyebabkan kerosakan pada tayar dan rim kereta penduduk. • Dimaklumkan bahawa satu kemalangan telah berlaku apabila seorang pemandu cuba mengelak lubang tersebut, tetapi akhirnya melanggar sebatang pokok. • Dalam kemalangan itu, anak pemandu yang berada di tempat duduk belakang tercampak keluar dari kereta, manakala pemandu dan penumpang di sebelahnya telah meninggal dunia.
Pokok yang tidak dicantas dan tidak diselenggara	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar Bandaraya Klang • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pokok-pokok besar yang tidak ditebang dan dibersihkan. • Terdapat pokok besar yang sudah lama tidak dipangkas. Daunnya telah gugur dan jatuh ke atas bumbung rumah, menyebabkan saluran air di bumbung tersumbat.
Bayaran tempat letak kenderaan digital yang kompleks dan sukar diakses oleh golongan warga emas	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas • Jawatankuasa Gereja Grace Assembly 	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap pembayaran tempat letak kereta perlu dilakukan melalui telefon pintar dan internet, yang mana tidak sesuai untuk digunakan oleh golongan berusia. • Terdapat golongan warga emas yang menghadapi kesukaran untuk membayar parking kerana kekurangan sumber kewangan dan ketidakmampuan menggunakan aplikasi digital. • Kaedah pembayaran menggunakan syiling dan secara manual perlu diperkenalkan semula supaya golongan ini tidak tercicir atau disisihkan.
Kekurangan dana untuk membangunkan pusat pembelajaran komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat India • ISKCON Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan dana untuk membangunkan pusat pembelajaran komuniti yang khusus untuk komuniti India bagi memudahkan pergerakan dan melindungi mereka.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • ISKCON menghadapi cabaran untuk meluaskan aktiviti mereka kerana kekurangan dana. • Sumber kewangan organisasi ini semakin berkurangan sejak berlakunya pandemik. Sekiranya dana mencukupi, lebih ramai komuniti India dapat dibantu dan didekati.
Kesukaran untuk memperoleh lesen NGO	<ul style="list-style-type: none"> • Premis ISKCON Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak MBK tidak mengklasifikasikan ISKCON sebagai pusat pembelajaran komuniti, sebaliknya menganggapnya sebagai mini kuil yang tidak sepatutnya berada di dalam bangunan kedai. • Terdapat salah faham antara pihak MBK dan pihak ISKCON mengenai penggunaan tempat yang kini digunakan, di mana ia dianggap sebagai kuil tempat ibadah. • Pihak ISKCON menjelaskan bahawa mereka hanya berhasrat untuk menubuhkan pusat komuniti.
Kekurangan aspek dalaman, rohani, atau ' <i>spiritual</i> ' dalam kalangan komuniti India	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India Klang • ISKCON 	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti India kini menghadapi tekanan yang amat tinggi dan memerlukan rawatan spiritual. • Terdapat ramai individu dalam kalangan komuniti ini yang berdepan dengan keinginan untuk membunuh diri, mencederakan diri sendiri, dan melakukan kecurian sebagai cara untuk mengatasi masalah kemiskinan. • Jika gejala ini tidak dibendung, ia boleh menimbulkan kebimbangan dalam kalangan komuniti India yang lain.
Prasarana sekolah pendidikan khas yang tidak mencukupi dan peningkatan jumlah pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelas yang sedia ada kini terlalu padat dengan pelajar dan tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk menyimpan barang-barang pendidikan khas.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Kelas yang sedia ada kini terlalu padat dengan pelajar dan tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk menyimpan barang-barang pendidikan khas. • Dengan ini dimaklumkan bahawa secara idealnya, setiap kelas sepatutnya mempunyai hanya 10 orang pelajar. Namun, disebabkan oleh peningkatan jumlah pelajar, kini kelas terpaksa menampung 14 hingga 15 orang pelajar. • Walaupun bilangan pelajar yang memasuki aliran perdana semakin berkurangan, jumlah kemasukan murid ke pendidikan khas semakin meningkat. • Kami juga ingin memaklumkan bahawa kami baru sahaja menerima barang-barang pendidikan khas seperti trampoline, tetapi ruang yang ada sangat terhad untuk menyimpannya. Trampoline tidak boleh diletakkan di dalam bilik kelas kerana ia tidak kondusif dan berisiko menyebabkan kecederaan sekiranya pelajar melompat dan terkena kipas. • Permohonan untuk menambah ruang telah pun dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada tahun 2023.
Peningkatan bilangan murid yang memerlukan pendidikan khas	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang • SK Taman Klang Utama 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan sekolah menjadi tumpuan atau 'hotspot' kerana ia terletak di kawasan membangun dan berdekatan dengan kawasan perumahan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat sebuah sekolah pendidikan khas berdekatan yang hanya mampu menampung 80 pelajar dan tidak bersedia untuk menerima penambahan pelajar. • Ibu bapa memilih SK Taman Klang Utama sebagai pilihan utama untuk anak-anak mereka yang memerlukan pendidikan khas. • Terdapat juga ibu bapa dari daerah lain yang menghantar anak mereka ke sekolah ini. • Trend terkini menunjukkan peningkatan bilangan pelajar dengan autisme dan ADHD berbanding pelajar dengan sindrom Down dan pekak, yang mengalami penurunan. • Ramai pelajar yang telah menerima diagnosis awal semasa berada di sekolah aliran perdana, menunjukkan simptom-simptom pelajar istimewa seperti menangis enggan ke sekolah dan apabila berada di dalam kelas, mereka sukar untuk fokus kepada pembelajaran serta tidak memberi respon apabila dipanggil. • Punca peningkatan ini masih belum dapat dipastikan, namun ada sangkaan bahawa faktor pemakanan ibu bapa mungkin memainkan peranan.
Kekurangan tenaga pengajar pendidikan khas	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Secara idealnya, setiap 10 murid memerlukan seorang pembantu pengurusan murid. • Menurut maklumat yang diterima, guru-guru telah terbiasa menguruskan sendiri para pelajar.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Para guru kini lebih berperanan sebagai pengasuh berbanding pengajar. Dalam satu kelas, hanya sebahagian kecil pelajar yang dapat memberi fokus kepada pembelajaran. • Sebagai contoh, dalam kelas murid Tahun 1 yang terdiri daripada 24 orang, hanya 7 hingga 8 orang murid sahaja yang dapat belajar, manakala yang selebihnya lebih cenderung untuk bermain dan memerlukan perhatian khusus.
Kebergantungan terhadap ubat untuk mengatasi masalah aktiviti yang berlebihan dalam kalangan pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pelajar yang perlu mengambil ubat mengikut arahan doktor, dan perkara ini dipatuhi oleh ibu bapa. • Terdapat satu kes di mana doktor telah mengarahkan supaya pelajar ini dihentikan daripada mengambil ubat. Akibatnya, pelajar ini menjadi sangat lasak dan sukar dikawal. Setelah guru memberikan semula ubat kepada pelajar tersebut, perlakuan mereka kembali terkawal.
Kurang kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai perkembangan diri anak-anak dan pentingnya memiliki kad OKU	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa tidak menyedari bahawa anak mereka memerlukan perhatian khas sejak usia kecil, dan tiada rawatan susulan yang dapat diberikan. • Seawal usia tiga tahun, ibu bapa sudah boleh menyedari keperluan pendidikan khas anak mereka. • Disebabkan kurangnya pengetahuan dan kesedaran, ibu bapa sering terlepas pandang perkara ini dan tidak memberi rawatan yang sepatutnya kepada anak mereka. • Terdapat juga ibu bapa yang enggan mendaftar anak mereka untuk mendapatkan kad OKU kerana kekurangan kesedaran mengenai manfaat memiliki kad tersebut.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Ibu bapa merasa malu untuk mengakui anak mereka sebagai orang kurang upaya (OKU)	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Pendidikan Khas • Guru Pendidikan Khas • Persatuan Pendidikan Khas Daerah Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa seringkali berusaha untuk merahsiakan status OKU anak mereka daripada saudara mara, malah ada juga yang enggan menerima kad OKU. • Terdapat juga ibu bapa yang merasa tertekan atau murung apabila anak mereka didiagnosis sebagai OKU, dan mereka memerlukan sokongan emosi daripada guru-guru pendidikan khas.
Halangan bahasa dalam memahami adaptasi antara budaya di antara penjaga rumah dan pelarian	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarian • Pemegang kad UNCHR • Refugee Committee Elshaddai 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada satu bahasa yang seragam untuk berkomunikasi. • Mengalami kesukaran dalam komunikasi, pelarian ini baru sahaja memasuki rumah perlindungan tersebut. • Mereka tidak mempunyai asas untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Kekeliruan juga timbul kerana 'penjaga rumah' tidak memahami budaya pelarian tersebut. • 'Penjaga rumah' memainkan peranan penting dalam menghubungkan komunikasi antara pelarian yang menghadapi masalah bahasa untuk berinteraksi sesama mereka. • Sekiranya berlaku perselisihan antara pelarian, 'penjaga rumah' akan menjadi pihak yang dihubungi oleh pelarian untuk berkomunikasi dan meluahkan perasaan.
Perselisihan pendapat dengan komuniti sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarian • Pemegang kad UNCHR • Refugee Committee Elshaddai • Komuniti setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti sekitar pernah meluahkan rasa tidak puas hati melihat terlalu ramai orang berada di rumah ini. • Isu ini diselesaikan apabila 'house guardian' memberikan penjelasan bahawa ini adalah rumah perlindungan, dan komuniti sekeliling mula memahami serta turut memberikan bantuan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Pelarian membuka kedai secara haram	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarian • Pemegang kad UNCHR • Refugee Committee Elshaddai • Komuniti setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysia tidak menandatangani sebarang perjanjian dengan PBB yang membenarkan pelarian untuk bekerja di negara ini. • Kebanyakan pelarian di Malaysia tidak dapat memohon untuk bekerja secara sah dan hanya boleh bekerja secara haram.
Kesesakan dan kekurangan kemudahan asrama	<ul style="list-style-type: none"> • Anak-Anak Yatim Good Samaritan Home 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidur beralaskan tilam dan satu bilik hanya boleh memuatkan seramai 7 hingga 8 orang sahaja. • Terdapat 2 bilik yang disediakan untuk pelajar perempuan, 1 bilik untuk pelajar lelaki, dan 1 bilik untuk bayi-bayi. Di dalam bilik-bilik ini, mereka perlu tidur seramai 7 hingga 8 orang dengan hanya menggunakan tilam sebagai alas.
Kemudahan bilik air yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Anak-Anak Yatim Good Samaritan Home 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat sistem beratur untuk menggunakan tandas. • Terdapat kanak-kanak yang bangun seawal jam 4 pagi untuk menjadi orang pertama yang mandi. • Terdapat tiga bilik air yang disediakan, iaitu satu untuk perempuan, satu untuk lelaki, dan satu lagi yang boleh digunakan oleh kedua-dua lelaki dan perempuan. • Ketiga-tiga bilik air ini perlu dikongsi bersama 31 orang anak Good Samaritan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
ISU EKONOMI		
Kesukaran mendapatkan pekerjaan bagi golongan OKU	<ul style="list-style-type: none"> • OKU • B40 • Parlimen Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat majikan yang enggan memberikan pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). • Terdapat OKU pelbagai yang telah bekerja di bahagian 'sorting' selama 2 tahun. • Namun, beliau diminta berhenti kerja kerana tidak mencapai sasaran pekerja (KPI) yang ditetapkan oleh syarikat. • Dikatakan bahawa sasaran tersebut sengaja dinaikkan dengan niat untuk menjatuhkan pencapaiannya. • Walaupun telah berusaha untuk memohon pekerjaan di beberapa tempat yang lain, tiada satu syarikat pun yang menerima permohonannya.
Peruntukan untuk melaksanakan program pembangunan masyarakat India terhad	<ul style="list-style-type: none"> • B40 • Masyarakat India Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyedari akan keperluan untuk menganjurkan program yang dapat memberi motivasi dan panduan kepada peserta, khususnya dalam bidang keusahawanan. • Terdapat individu yang yakin dapat melaksanakan program yang lebih baik untuk komuniti berbanding yang disediakan oleh agensi kerajaan. • Komuniti India di Klang tidak mengetahui tempat untuk menjual produk perniagaan mereka dan kekurangan pendedahan tentang cara untuk menjana pendapatan menggunakan kemahiran mereka. • Permohonan kepada MITRA dikatakan mempunyai prosedur yang rumit, di mana mereka perlu melalui temuduga dan membuat pembentangan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Pendapatan tidak setara dengan kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • B40 • Masyarakat Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat peluang pekerjaan di Klang, namun gaji yang ditawarkan tidak setimpal dengan kelulusan. • Dimaklumkan bahawa walaupun memiliki kelulusan ijazah, beliau hanya ditawarkan gaji asas sebanyak RM1500 sahaja. • Sejak peringkat temuduga lagi, telah dimaklumkan bahawa syarikat hanya mampu membayar gaji pada kadar tersebut. • Kebanyakan penduduk kini menjadi miskin bandar dan memerlukan pendapatan sampingan. • Dengan gaji yang ada, pekerja mendapati ia tidak mencukupi untuk menampung komitmen-komitmen seperti pinjaman kereta, pinjaman pendidikan, dan sewa rumah. • Oleh itu, ramai terpaksa menjalankan perniagaan sampingan bagi menjana pendapatan tambahan.
ISU ALAM SEKITAR		
Kekerapan banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar Parlimen Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir kilat sering berlaku disebabkan oleh longkang yang tidak teratur dan pembinaan yang tidak dirancang dengan baik.
Pembuangan sampah secara sembarangan yang menggalakkan pembiakan nyamuk Aedes dan menjejaskan kebersihan	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan berisiko tinggi • Warga emas • Kanak-kanak • Penduduk Pangsapuri Kampung Delek • Penduduk Pangsapuri Taman Sentosa • Penduduk Pangsapuri Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah tong sampah yang terhad dan letaknya jauh menyebabkan banyak sampah dibuang merata-rata tempat. • Tong sampah yang terhad, dengan hanya satu tong sampah disediakan untuk tiga blok flat, menyebabkan sesetengah rumah jauh dari tong sampah. • Keadaan ini menyebabkan penghuni menjadi malas dan membuang sampah merata-rata, ada yang membuangnya ke dalam sungai.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Sampah yang berselerak ini menggalakkan pembiakan nyamuk Aedes, yang seterusnya menyebabkan kematian dalam masa tiga hari selepas dijangkiti oleh nyamuk tersebut. • Terdapat penduduk yang membuang sampah dari tingkat 3 flat Taman Kem. Sampah-sampah yang berselerak ini menjadi daya tarikan bagi anjing untuk mengutipnya. Ada juga yang membuang sisa ikan dari tingkat atas flat. Walaupun telah ditegur, tiada tindakan yang diambil untuk mengubahnya. • Kawasan flat Taman Kem menjadi sangat kotor, berbau, dan menarik perhatian haiwan seperti nyamuk, tikus, dan ular. • Pernah membuat aduan kepada MBK tahun lepas dan ada pihak yang turun padang untuk memeriksa kawasan tersebut, namun tiada tindakan susulan yang diambil selepas itu.
Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja penyelenggaraan longkang sudah lama tidak dijalankan. • Longkang tersebut telah tersumbat dengan sampah pemotongan rumput dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. • Apabila hujan lebat, kawasan itu mudah dilanda banjir sehingga ke paras buku lali.
Rumah yang ditinggalkan/ kosong menjadi sarang pembiakan nyamuk	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat 	<ul style="list-style-type: none"> • pembiakan nyamuk Aedes yang tidak terkawal disebabkan oleh longkang yang tersumbat dan rumah yang terbengkalai. • pembiakan nyamuk Aedes tidak mendapat pemantauan yang sewajarnya daripada pihak berkenaan, sehingga menyebabkan beberapa keluarga dijangkiti demam denggi.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat rumah tinggal lama yang menjadi sarang pembiakan nyamuk, yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. • Walaupun mereka menjaga kebersihan rumah masing-masing, mereka tidak dapat mengelakkan serangan nyamuk jika terdapat rumah di dalam kawasan taman mereka yang tidak dijaga dengan baik.
Longkang menjadi semakin sempit	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan tanah telah berlaku sehingga menyebabkan longkang yang dulunya besar menjadi sempit. • Terdapat rumah yang bergerak akibat pergerakan tanah, menyebabkan longkang menjadi sempit. • Aduan telah dibuat, tetapi tiada tindakan diambil.
Pembuangan sisa minyak restoran ke dalam longkang	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat • Bandaraya Klang 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat juga restoran yang membuang minyak masak ke dalam longkang, menyebabkan longkang berbau busuk. • Penduduk pernah meluahkan rasa kesal kerana telah membayar cukai kepada agensi kerajaan, namun tiada tindakan diambil terhadap golongan yang tidak bertanggungjawab ini.
Pengurusan sisa rumput yang tidak sistematik menyebabkan longkang tersumbat	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk perumahan Keriang Sakat Klang • Persatuan Penduduk Keriang Sakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak yang datang untuk memotong rumput telah melaksanakan tugas mereka, namun mereka hanya membiarkan sampah rumput bersepah tanpa membersihkannya. • Sampah rumput tersebut akhirnya terbang masuk ke dalam longkang dan menyebabkan longkang tersumbat.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Pencemaran udara akibat aktiviti pembakaran sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Taman Menara Maju, Kampung Jawa • Warga emas • Kanak-kanak • Golongan berisiko tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk berasa tidak selesa kerana menghidu asap pembakaran sampah. • Penduduk bersikap tidak peka dan gemar membakar barang-barang lama serta sampah. • Walaupun telah diberi teguran, individu yang menetap di kawasan perumahan tidak mengendahkan nasihat tersebut. • Bertindak berani sedemikian kerana tidak takut untuk dikenakan saman. Walaupun pengutipan sampah dilakukan tepat pada waktunya, terdapat penduduk masih memilih untuk membakar sampah.
Banjir dan kelalaian pengurusan kunci air	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir berlaku setiap tahun dan boleh mencapai kedalaman setinggi paras peha. • Kejadian ini berpunca daripada kunci pili air yang tidak dipantau dengan betul. • Pelbagai kerosakan harta benda dilaporkan akibat kejadian ini, seperti mesin basuh, peti sejuk, dan sofa.
Tiada penyelenggaraan longkang di kawasan pasar malam	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Taman Kem 	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka perlu menjolok longkang dengan menggunakan kayu untuk mengelakkan kawasan tersebut daripada dinaiki air.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: AKTIVITI KOKURIKULUM KURANG MENDAPAT SAMBUTAN DALAM KALANGAN PELAJAR DAN BELIA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none">1. Kurangnya minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum.2. Tidak cukupnya pendedahan atau promosi tentang manfaat aktiviti ini.3. Kekurangan masa akibat tekanan pembelajaran akademik.4. Tiada sokongan atau motivasi daripada ibu bapa dan guru.5. Aktiviti kokurikulum dianggap tidak relevan dengan cita-cita atau kerjaya pelajar.6. Kesukaran dalam memilih aktiviti yang sesuai dengan minat pelajar.7. Ketidakselesaan dengan suasana atau jenis aktiviti yang ditawarkan.8. Ketiadaan penghargaan atau ganjaran untuk pencapaian dalam aktiviti tersebut.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none">1. Peningkatan Promosi: Perlu ada promosi yang lebih menarik dan melibatkan media sosial untuk menarik perhatian pelajar.2. Variasi Aktiviti: Menambah jenis aktiviti kokurikulum yang lebih menarik, seperti sukan ekstrim, seni, dan teknologi.3. Kepimpinan Pelajar: Melibatkan pelajar dalam perancangan dan pengurusan aktiviti agar mereka lebih bersemangat.4. Ganjaran dan Pengiktirafan: Memberi penghargaan atau sijil kepada pelajar yang aktif untuk meningkatkan motivasi.5. Penglibatan Ibu Bapa: Mendorong ibu bapa untuk menyokong penyertaan anak dalam aktiviti kokurikulum.6. Jadual yang Fleksibel: Menyediakan jadual yang sesuai dengan masa pelajar agar mereka lebih mudah menyertai aktiviti.

Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar sekolah • Kelab Unit Beruniform
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • PBSM Pejabat Daerah Klang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjanaan sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.

PENGUTAMAAN ISU 2: KESUKARAN MENDAPATKAN PEKERJAAN BAGI GOLONGAN OKU

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan peluang pekerjaan: Banyak syarikat tidak menyediakan peluang khas untuk OKU. 2. Sikap diskriminasi: Stigma dan pandangan negatif masyarakat terhadap OKU menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan. 3. Kurangnya latihan kemahiran: OKU sering terlepas peluang untuk mengikuti latihan atau program peningkatan kemahiran. 4. Kemudahan tempat kerja terhad: Banyak tempat kerja tidak mesra OKU dari segi aksesibiliti atau keperluan khusus. 5. Kurangnya sokongan kerajaan: Bantuan dan insentif kepada majikan untuk mengambil OKU masih kurang berkesan.
--	---

	6. Kekurangan kesedaran: Tidak semua pihak memahami kemampuan sebenar golongan OKU dalam pekerjaan.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan Orang Kurang Upaya 2. Penyediaan latihan kemahiran: Menyediakan kursus latihan yang sesuai dengan keperluan golongan OKU. 3. Pengubahsuaian tempat kerja: Menyediakan tempat kerja yang mesra OKU dengan kemudahan akses dan peralatan yang sesuai. 4. Pemberian insentif kepada majikan: Memberikan insentif atau potongan cukai kepada majikan yang menggaji golongan OKU. 5. Kesedaran dan pendidikan awam: Menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan pengambilan golongan OKU dalam sektor pekerjaan. 6. Program sokongan kerjaya: Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan untuk membantu OKU mendapatkan pekerjaan. 7. Kerjasama dengan NGO: Bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan peluang pekerjaan dan latihan. 8. Penguatkuasaan undang-undang: Menguatkuasakan undang-undang yang mewajibkan majikan mengambil pekerja OKU.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Kurang Upaya
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar kawasan parlimen Klang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.

Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.a: Meningkatkan pelaburan, termasuk melalui peningkatan kerjasama antarabangsa di infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan lanjutan, pembangunan teknologi dan bank gen tumbuhan dan ternakan untuk meningkatkan keupayaan produktif pertanian di negara membangun, khususnya negara kurang membangun.
Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.2: Menggalakkan pengindustrian menyeluruh dan mampan, dan menjelang 2030, menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara, dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun.

PENGUTAMAAN ISU 3: PEMBUANGAN SAMPAH SEMBARANGAN DAN PEMBIAKAN NYAMUK AEDES

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembuangan sampah sembarangan menyebabkan penumpukan sisa yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. 2. Sampah yang dibiarkan bertaburan mengandungi air bertakung, tempat nyamuk Aedes bertelur. 3. Nyamuk Aedes membawa penyakit berbahaya seperti denggi, zika, dan chikungunya. 4. Keadaan persekitaran yang kotor dan tidak terurus menjejaskan kebersihan awam. 5. Pembuangan sampah sembarangan menimbulkan masalah bau dan menarik haiwan perosak. 6. Kebersihan persekitaran yang buruk memberi kesan negatif kepada kesihatan masyarakat.
--	--

<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan kempen kesedaran: Menyebarkan maklumat tentang kesan buruk pembuangan sampah sembarangan terhadap kesihatan dan kebersihan. 2. Meningkatkan sistem pengurusan sampah: Memastikan pengumpulan dan pembuangan sampah dilakukan dengan teratur dan berjadual. 3. Menyediakan lebih banyak tempat pembuangan sampah: Meningkatkan jumlah tong sampah di kawasan awam untuk mengelakkan orang ramai membuang sampah merata-rata. 4. Melaksanakan denda atau hukuman: Mewujudkan peraturan ketat dan mengenakan denda bagi mereka yang membuang sampah sembarangan. 5. Pembersihan kawasan awam secara berkala: Mengadakan aktiviti pembersihan rutin di kawasan perumahan dan tempat awam untuk mengurangkan kawasan pembiakan nyamuk. 6. Menghapuskan tempat-tempat takungan air: Memastikan tiada tempat yang boleh menakung air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. 7. Pendidikan dan latihan kepada komuniti: Memberikan latihan kepada komuniti untuk mengenal pasti dan menguruskan masalah sampah serta kawasan yang berisiko pembiakan nyamuk. 8. Meningkatkan pengawasan pihak berkuasa tempatan: Mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan tiada pembuangan sampah sembarangan berlaku.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan berisiko tinggi • Warga emas • Kanak-kanak • Penduduk Pangsapuri Kampung Delek

	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Taman Sentosa • Penduduk Pangsapuri Taman Kem
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Pangsapuri Kampung Delek • Pangsapuri Taman Sentosa • Pangsapuri Taman Kem
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3 - Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara jumlah kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	<p>Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko.</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.</p>
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjana sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>